

## **PERMOHONAN WAREHOUSE**

Pengertian Gudang berlesen ialah gudang yang dilesenkan dibawah bab 60, Perintah Kastam 2006 untuk menjalankan aktifiti penyimpanan dan pengeluaran barang.

### **PROSES PERMOHONAN GUDANG BERLESEN:**

1. Mengisikan borang permohonan gudang berlesen.
  2. Menghadapkan Surat permohonan gudang berlesen
  3. Salinan sijil pendaftaran syarikat
  4. Salinan Kad Pengenalan Pemohon yang masih sah
  5. Salinan Perjanjian Sewa Tempat (Tenancy Agreement)
  6. Salinan Pelan Tapak (Plan Layout of Premises)
- Proses seterusnya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan membuat lawatan ke tempat gudang berlesen.
- Membuat laporan selepas membuat lawatan ke tempat gudang berlesen
- Menghadapkan permohonan kepada Pegawai Kanan
- Pegawai kanan akan menghadapkan permohonan tersebut ke Pengawal Kastam dan Eksais Diraja
- Jika permohonan tersebut menepati syarat-syarat gudang berlesen, maka Pengawal Kastam dan Eksais Diraja akan membenarkan permohonan tersebut.
- Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan mengeluarkan surat kebenaran kepada pemohon untuk membenarkan gudang berlesen.

### **SYARAT-SYARAT GUDANG BERLESEN**

1. Bayaran bagi lesen gudang adalah sebanyak **\$600.00 setahun**. Lesen hanya akan dikeluarkan setelah bayaran bagi tempoh 1 tahun dijelaskan. Permohonan bagi menyambung lesen hendaklah dihadapkan kepada Jabatan ini selewat-lewatnya 2 bulan sebelum tarikh mansuh lesen;

2. Pengubahsuaian terhadap gudang hanya boleh dibuat setelah mendapat kebenaran Jabatan ini;
3. Barang-barang yang masuk dan keluar mestilah bagi yang dibenarkan sahaja. Kebenaran ini hanyalah bagi barang-barang yang dimasukkan melalui Pos Kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas **ATAU** Pos Kawalan Muara sahaja;
4. Barang-barang yang dimasukkan ke dalam gudang hendaklah menggunakan borang "Entry To Bond" dengan menyenaraikan secara lengkap jenis-jenis barang;
5. Kebenaran mestilah diperolehi daripada Pegawai kastam di Pos-pos kawalan yang berkaitan yang diberikuasa bagi setiap transaksi barang-barang masuk dan keluar;
6. Pemohon hendaklah menyediakan satu buku inventori yang merekodkan barang-barang masuk dan keluar untuk rujukan Jabatan ini dan hendaklah bersedia memberikan rekod dalam bentuk "Soft Copy" jika dikehendaki oleh pihak Kastam;
7. Cukai akan dikutip jika didapati kekurangan barang-barang bercukai kecuali dengan kepuasan hati Pengawal Kastam bahawa kekurangan tersebut disebabkan kerosakan atau lain-lain sebab difikir munasabah;
8. Pegawai Kastam yang diberikuasa berhak memeriksa gudang pada bila-bila masa;
9. Pemohon hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan ini dan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang digariskan dan keperluan-keperluan teknikal serta sekuriti yang ditetapkan bagi mengoperasikan gudang berlesen;
10. Jika pemohon berhajat untuk tidak menyambung lesen, ianya hendaklah dimaklumkan ke Jabatan ini dan gudang hendaklah dikosongkan;
11. Pengawal Kastam pada bila-bila masa boleh menarik balik kebenaran ini dan mengubah syarat-syarat yang digariskan;